Peranan dan Manfaat Kamus Ekabahasa Bahasa Arab

Oleh HARUN BAHARUDIN

Terdapat pelbagai pandangan sarjana bahasa mengenai keberkesanan peranan kamus sebagai alat bantu pembelajaran. Sebahagian mereka beranggapan bahawa penggunaan kamus boleh memberikan kesan negatif seperti pelajar akan terlalu bergantung kepada alat bantu pembelajaran serta cenderung untuk membuat kesilapan kerana kekurangan dan keliru mengenai penggunaan kamus. Pernyataan ini berdasarkan keluhan guru bahasa tentang kesalahan dan kesilapan amalan penggunaan kamus dalam kalangan pelajar. Banyak kajian tentang amalan penggunaan kamus dapat disimpulkan sebagai gagal "berunding" dengan kamus dalam pembelajaran bahasa.

Berdasarkan kajian amalan penggunaan kamus, kebanyakan pengkaji membuat kesimpulan bahawa terdapat beberapa kesilapan dalam amalan penggunaan kamus dalam kalangan pelajar. Hal yang sedemikian ini secara tidak langsung menyebabkan pelajar menjadi kurang berminat menggunakan kamus dengan andaian bahawa kamus tidak boleh membantu pembelajaran bahasa mereka. Atas sebab ini, terdapat beberapa saranan untuk memasukkan elemen pedagogi kamus dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Saranan ini berdasarkan manfaat medan maklumat dalam kamus ekabahasa yang sebenarnya telah menyediakan beberapa maklumat penting pembelajaran bahasa namun secara realitinya sering diabaikan dalam kelas pembelajaran bahasa.

Akibat pengabaian pengetahuan tentang kaedah penggunaan kamus, pelajar sering kali didapati sukar mencari maklumat yang paling relevan ketika menggunakan kamus. Selain itu, pelajar juga didapati kerap memilih definisi yang tidak sesuai dengan situasi konteks. Salah satu punca kesilapan pelajar ialah mereka seolah-olah hanya memberikan perhatian kepada bahagian tertentu, terutamanya hanya melihat definisi sesuatu perkataan. Dalam kes lain, pelajar sering melakukan kesilapan untuk mengenal pasti kategori tatabahasa yang menyebabkan memilih makna dan definisi perkataan yang salah. Kesilapan ini tidak kerap berlaku kepada pengguna kamus dwibahasa kerana kebanyakan kamus dwibahasa tidak menyediakan maklumat linguistik penting kecuali maklumat makna dan definisi sesuatu perkataan sahaja.

Beberapa kajian terhadap penggunaan kamus menunjukkan pelajar bahasa kedua atau bahasa asing lebih cenderung menggunakan kamus dwibahasa sedangkan para sarjana berpandangan bahawa kamus ekabahasa mampu memberikan maklumat untuk membantu pelajar mencari maklumat yang relevan. Dengan kata lain, kamus ekabahasa didapati lebih mudah dan berkesan untuk membantu pelajar mencari maklumat yang berkaitan. Hal ini disebabkan penjelasan dalam satu bahasa (monolingual) umumnya boleh memberikan maklumat terperinci dan tepat tentang perkataan tersebut berbanding dengan kamus dwibahasa. Medan maklumat yang disediakan dalam kamus ekabahasa lazimnya meliputi aspek entri, bentuk kata, sebutan dan ejaan, jenis kata, sinonim, tingkat pemakaian kata, definisi atau bahasa pemerian, catatan pemakaian kata, deskripsi penjenisan definisi, derivasi kata, frasa, kutipan, kata-kata asing dan rujuk silang. Selain itu, walaupun kamus dwibahasa membolehkan aktiviti terjemahan diselesaikan dengan mudah namun kamus tersebut boleh mengelirukan apabila terdapat pertentangan semantik antara bahasa pertama dengan bahasa kedua. Kamus dwibahasa sesuai digunakan untuk mencari maksud perkataan dengan cepat, manakala kamus ekabahasa walaupun sukar untuk digunakan tetapi mempunyai merit tambahan, iaitu memperkenalkan ketepatan leksikal daripada bahasa sasaran.

Dalam perbahasan kamus ekabahasa bahasa Arab, pelajar mampu mendapatkan manfaat daripada kamus ini selain memperoleh manfaat definisi dan makna perkataan. Setiap perkataan disediakan baris (diakritik) agar pengguna kamus mengetahui cara menyebut perkataan tersebut. Setiap kata dasar sesuatu perkataan akan dipecahkan bermula dengan kata kerja lampau, kata kerja semasa dan kata terbitan. Pecahan derivasi ini sebenarnya memudahkan pengguna kamus untuk mempelajari secara tidak langsung bentuk ejaan dan cara sebutan sesuatu perkataan. Selain itu, kamus ekabahasa bahasa Arab juga menyediakan penerangan dan penggunaan perkataan dalam konteks ayat (*syarh*) berdasarkan petikan ayat al-Quran, hadis, puisi Arab, perkataan yang dituturkan oleh penutur Arab dan sumber daripada orang terdahulu. Dengan demikian, pelajar mendapat manfaat bagaimana sesuatu kata itu dapat dihayati berdasarkan pemikiran bahasa penuturnya.

Namun begitu, kebanyakan pelajar menghadapi masalah untuk menggunakan kamus ekabahasa dalam pembelajaran. Masalah utama yang mereka hadapi ialah kesukaran memahami takrif dan kesukaran untuk mencari makna unit-unit leksikal dalam kamus ekabahasa. Hal yang sedemikian ini disebabkan pelajar tidak mempunyai asas pengetahuan linguistik seperti sintaksis dan morfologi sesuatu kosa kata. Selain itu, untuk menggunakan kamus ekabahasa dengan berkesan, pelajar perlu menguasai kosa kata yang banyak sekurang-kurangnya 2000 perkataan dan perlu berupaya untuk mentafsirkan definisi serta makna sesuatu kata yang jauh lebih sukar daripada memahami sinonim bahasa pertama.

Merujuk kamus ekabahasa dianggap satu kemahiran yang kompleks namun begitu berdasarkan manfaatnya yang besar, kamus ekabahasa perlu dimanfaatkan, terutamanya dalam kalangan pelajar bidang bahasa.

Merujuk kamus ekabahasa dianggap satu kemahiran yang kompleks namun begitu berdasarkan manfaatnya yang besar, kamus ekabahasa perlu dimanfaatkan, terutama dalam kalangan pelajar bidang bahasa. Kemahiran menggunakan kamus ekabahasa memerlukan kelebihan segi aspek penguasaan ilmu linguistik yang tinggi dan beberapa strategi agar kamus mudah dirujuk. Hal ini disebabkan medan maklumat sesebuah kamus ekabahasa begitu kaya, iaitu meliputi 15 aspek seperti entri, kelas kata, ejaan dan sebutan, jenis kata, sinonim dan antonim, konteks penggunaan kata, takrif, catatan penggunaan kata, ilustrasi penjelas takrif, penerbitan kata turunan, contoh penggunaan kata, frasa, petikan, kata asing, dan rujuk silang.

Beberapa penyelidik telah memaparkan beberapa strategi yang terlibat dalam penggunaan kamus pelajar. Scholfield (1982) misalnya telah menentukan beberapa langkah merujuk kamus ekabahasa yang memerlukan strategi berbeza berdasarkan tujuan penggunaan kamus berkenaan. Antara tujuan penggunaan tersebut adalah seperti yang berikut:

1) **Mencari kata frasa**. Tujuan ini melibatkan beberapa strategi yang kompleks. Pelajar mungkin mempunyai kesukaran memahami frasa idiomatik dan frasa kolokasi dalam bahasa sasaran walaupun mereka memahami semua kata tunggal yang membentuk frasa tersebut. Kebiasaannya kamus ekabahasa akan menyenaraikan beberapa frasa idiomatik asas di bawah kata dasar.
2) **Mencari kata fleksi**. Penggunaan ini bertujuan untuk menentukan kata dasar yang membentuk fleksi tersebut dengan melihat tanda fleksi. Langkah ini memerlukan satu tahap kesedaran morfologi kerana pelajar perlu membezakan antara kata dasar dengan tanda fleksi sesuatu perkataan.
3) **Mencari perkataan yang tidak disusun berdasarkan susunan abjad**. Terdapat beberapa kamus ekabahasa yang tidak disusun mengikut metode abjad. Oleh hal yang demikian, pelajar perlu belajar dan mahir tentang metode penyusunan entri sesuatu kamus.
4) **Menentukan makna dan definisi yang pelbagai**. Kamus ekabahasa biasanya akan menyenaraikan beberapa definisi perkataan yang mempunyai banyak makna dan hal ini mengehendaki pelajar meneliti semua definisi dan memilih makna yang paling sesuai.
5) **Memahami definisi dan menyesuaikannya berdasarkan konteks**. Hal ini melibatkan pemahaman semantik dan pengguna kamus perlu melihat penerangan perkataan yang biasanya diberikan dalam bentuk contoh ayat.

Pelajar mungkin menghadapi situasi yang sukar apabila

menggunakan kamus ekabahasa, iaitu apabila menemui perkataan yang jarang-jarang digunakan, tidak menemui makna yang sesuai dan tidak pasti mengenai definisi yang sesuai berdasarkan konteks. Situasi ini menuntut pelajar untuk mencuba membuat andaian dan kesimpulan makna perkataan daripada maklumat yang ditemui berdasarkan definisi yang diberikan dalam kamus ekabahasa. Strategi ini memang diperlukan semasa merujuk kamus kerana dalam kamus tidak diberikan maklumat yang cukup untuk menjelaskan semua makna perkataan. Kedua-dua strategi ini dianggap sebagai strategi berangkai yang sering digunakan oleh pelajar. Penggunaan kamus merujuk kepada mengetahui makna perkataan secara leksikal manakala strategi meneka makna berdasarkan konteks ayat dan situasi perbualan merujuk kepada memahami makna secara kontekstual. Dengan kata lain, memahami secara leksikal dan secara konteks dalam kemahiran bahasa adalah saling menyokong antara satu sama lain.

Kamus Ekabahasa: Asas Pembelajaran Kosa Kata

Aspek pengetahuan kosa kata dirujuk sebagai kualiti atau tahap penguasaan pengetahuan kosa kata. Aspek ini penting kerana berkaitan dengan cara untuk menggunakan sesuatu perkataan tersebut dengan baik di samping mempunyai hubungan yang kuat dengan kecekapan berbahasa. Aspek ini bukan hanya mengetahui makna tunggal kata sahaja tetapi turut melibatkan pelbagai jenis gabungan pengetahuan dan menjadi asas untuk membina perkataan tersebut seperti sebutan, ejaan, kata fleksi, kata klausa, gaya bahasa sastera dan ciri-ciri morfologi. Aspek ini penting dalam pembelajaran kosa kata yang merupakan natijah daripada pembelajaran aspek linguistik umum bagi sesuatu bahasa seperti sintaksis, morfologi, fonologi dan semantik.

Atas dasar itu, terdapat beberapa cadangan bagi tujuan meningkatkan kesedaran bahasa pelajar, iaitu dengan meningkatkan penggunaan kamus ekabahasa. Pendekatan ini bermatlamatkan penggunaan secara strategik berteraskan pedagogikal perkamusan bagi menangani kesilapan yang biasa dilakukan yang melibatkan tatabahasa, morfologi, sebutan, ejaan dan penggunaan kata mengikut konteks.

Jika pembelajaran semua aspek linguistik boleh dipelajari berasaskan pembelajaran leksikal, maka pembelajaran kosa kata khususnya aspek pengetahuan kosa kata ini boleh dijayakan berasaskan penggunaan kamus ekabahasa. Berdasarkan maklumat yang disediakan oleh kamus ekabahasa didapati mampu merentasi semua item pengetahuan kosa kata dan perkara ini merupakan bahan bantu pembelajaran yang bermanfaat jika digunakan dengan betul. Hal ini disebabkan hampir keseluruhan maklumat yang diperlukan dalam pembelajaran kosa kata disediakan dalam medan maklumat kamus ekabahasa.

Pengetahuan kosa kata lazimnya berdasarkan tiga kriteria asas, iaitu mengetahui bentuk, makna dan penggunaan. Merujuk kepada konsep kesempurnaan dan pengetahuan kosa kata yang menyeluruh, mengetahui sesuatu perkataan bermaksud pelajar mampu dan biasa dengan sembilan aspek yang terlibat dalam pengetahuan kata, iaitu bentuk percakapan, bentuk penulisan, bahagian kata, kaitan antara bentuk dengan makna, konsep makna, perkaitan dengan kata lain, fungsi gramatikal, kolokasi dan memahami sekatan dan kesesuaian penggunaan kata.

Pelajar bukan hanya mendapat manfaat mengenai pencarian makna dan definisi sesuatu perkataan yang ingin dicari bahkan pelajar juga mampu memanfaatkannya untuk mempelajari bagaimana perkataan itu dieja, disebut, diderivasikan dan digunakan dalam pelbagai konteks. Manfaat ini secara tidak langsung membantu pelajar untuk menguasai sembilan aspek pengetahuan kosa kata dengan hanya menggunakan kamus ekabahasa. Aspek maklumat yang disediakan oleh kamus ekabahasa ini sebenarnya mampu menjadi satu alat pembelajaran yang bermanfaat dalam pembelajaran bahasa Arab secara holistik dan bersepadu tanpa memisahkan aspek-aspek ini.

Menggunakan Kamus Ekabahasa Bahasa Arab

Dewan maklumat kamus ekabahasa bahasa Arab meliputi empat fungsi utama, iaitu sebutan (*tariqah al-nutq*), ejaan (*al-hija'*), morfologi (*al-tahdid al-sorfiy*) dan keterangan kata (*al-syarh*). Sebutan ialah kategori maklumat yang mengajar pengguna kamus bagaimana untuk menyebut sesuatu kata dalam sesuatu bahasa. Bagi kamus ekabahasa bahasa Arab, kategori maklumat sebutan begitu dititikberatkan dengan meletakkan tanda diakritik atau baris (harakat). Bagi penyusunan entri kamus pula, kebiasaannya kamus ekabahasa bahasa Arab menyusun entri atau perkataan dengan menggunakan tiga cara, iaitu berdasarkan kata dasar (kata kerja teras tiga), pecahan fleksi, kata terbitan dan frasa, ungkapan, kata majmuk. Lazimnya kaedah penyusunan kamus ekabahasa dilakukan berdasarkan acuan (*wazan*) kata kerja teras tiga (الفعل الثلاثي) seperti فَعَلَ , فَعْلَ , فِعْلَ kemudian diikuti dengan kata kerja berefleksi dengan huruf tambahan (الأفعال الثلاثية المزيدة), iaitu dengan tambahan satu huruf, dua huruf, tiga huruf, tambahan *syaddah*, tambahan huruf *alif* serta tambahan huruf *hamzah*. Contohnya apabila mencari perkataan اجتهاد (kata nama), pelajar perlu mengetahui kata dasar perkataan tersebut yang lazimnya disediakan dalam bentuk kata kerja, iaitu di bawah entri جهد . Di bawah entri جهد perkataan yang berefleksi dengan perkataan ini akan disenaraikan seperti اجتهد , أجهد , جاهد , dan seterusnya. Sekiranya pelajar tidak mampu untuk menguasai kata dasar sesuatu perkataan, maka pelajar akan menghadapi kerumitan untuk menemui makna dan definisi perkataan yang hendak dicari.

Selain itu, terdapat situasi kepelbagaian makna dan definisi perkataan yang didatangkan dalam bentuk perkataan yang sama namun berbeza dari aspek baris seperti perkataan لبس yang didatangkan dalam bentuk perkataan yang sama tetapi berbeza baris dan makna, iaitu لُبْسَ , لِبْسَ dan لَبْسَ . Sekiranya pelajar tidak mempunyai kemahiran untuk membezakan situasi perkataan seperti ini, pelajar akan menjadi keliru untuk memilih makna dan definisi yang tepat. Begitu juga dengan beberapa rumus istilah yang digunakan dalam kamus ekabahasa bahasa Arab untuk menunjukkan sesuatu isyarat yang berkaitan dengan sumber keterangan (*al-syarh*), kata terbitan, kata tunggal, tanda feminin, tanda maskulin seperti مؤ , مذ , ج , مف , مص dan sebagainya. Pelajar yang ingin mengasah kemahiran menggunakan kamus ekabahasa seharusnya didedahkan dengan pengetahuan ini yang dikira sebagai pengetahuan asas sebelum menggunakan kamus ekabahasa bahasa Arab.

Pelajar yang ingin mengasah kemahiran menggunakan kamus ekabahasa seharusnya didedahkan dengan pengetahuan ini yang dikira sebagai pengetahuan asas sebelum menggunakan kamus ekabahasa bahasa Arab.

Beberapa ciri kamus ekabahasa bahasa Arab ini seharusnya didedahkan dalam siri latihan pengajaran bahasa Arab agar pelajar mampu untuk memanfaatkan penggunaannya. Dengan beranggapan bahawa penggunaan kamus ini mampu dipelajari secara sendiri atau hampir sama dengan kaedah penggunaan kamus dwibahasa akan menyebabkan pelajar hampir pasti gagal memanfaatkannya. Guru kebiasaannya sering memberikan penerangan yang ringkas sahaja tentang penggunaan kamus ekabahasa dengan anggapan bahawa para pelajar akan belajar cara menggunakan kamus secara sendiri. Beberapa kajian menunjukkan bahawa pelajar pada peringkat tinggi dilaporkan tidak menerima sebarang latihan penggunaan kamus untuk membentuk kemahiran menggunakan kamus secara berkesan. Pelajar juga didapati seolah-olah berada pada peringkat awal pembelajaran untuk menggunakan kamus ekabahasa dan sering mengabaikan banyak petunjuk kontekstual dalam mencari makna dan informasi sesuatu kata sehingga menyebabkan mereka melakukan kesilapan memilih definisi bagi sesuatu kata.

Atas manfaat yang pelbagai ini, kamus ekabahasa bahasa Arab didapati mampu menjadi alat yang lebih strategik untuk belajar bahasa asing. Dalam erti kata lain, kamus ekabahasa menyediakan fungsi rujukan silang merentas beberapa pengetahuan kosa kata untuk mencari kata-kata yang berkaitan dengan makna. Tambahan pula, fungsi kamus ekabahasa bukan sahaja terhad kepada definisi dan makna kata bahkan dilengkapi dengan aspek penting yang lain. Hal ini akan memberikan beberapa kebaikan kepada pelajar dengan hanya merujuk kepada satu alat pembelajaran tetapi mampu menyelesaikan banyak persoalan dalam pembelajaran bahasa terutamanya kosa kata seperti melihat definisi tunggal, definisi kata derivasi dan makna dalam konteks. Situasi ini berbeza daripada kamus dwibahasa yang hanya cenderung menggalakkan terjemahan langsung yang mungkin tidak sesuai dalam keadaan tertentu dan mungkin menyebabkan kekeliruan serta kesamaran. DB